

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Musim Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) telahpun bermula dengan beberapa insiden yang menarik perhatian. Salah satu insiden yang ingin saya kongsi dengan ahli-ahli lembaga pengarah syarikat tersenarai yang lain adalah mengenai AGM Bursa Malaysia yang juga dihadiri oleh wakil MSWG. Ini ialah mengenai perlantikan semula pengarah syarikat yang telah mencapai umur 70 tahun di bawah resolusi khas di mana memerlukan kelulusan 75% daripada pemegang saham yang hadir mengundi sama ada secara mengangkat tangan atau melalui poll.

Bagi resolusi ini, Tan Sri Datuk Dr Abdul Samad Hj. Alias telah melebihi umur 70 tahun dan telah berkhidmat sebagai pengarah bebas syarikat selama hampir 3 tahun. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit. Resolusi tersebut yang dijalankan secara poll tidak diluluskan kerana undi diperolehi hanya 71.1%, kurang daripada jumlah 75% yang diperlukan. Melihat seorang pengarah yang mempunyai reputasi baik dan berkualiti tidak dilantik semula dan tidak diberikan peluang untuk terus menyumbangkan khidmat dan pengalaman beliau atas sebab-sebab yang tidak diketahui oleh beliau mahupun ahli lembaga pengarah atau pemegang saham lain adalah suatu perkara yang membimbangkan.

Mengambil kira scenario tersebut, kami menyeru para pelabur institusi yang mengundi untuk tidak menyokong resolusi tersebut telah melaksanakan proses komunikasi yang bersesuaian dengan syarikat sebelum ini, dan sebab-sebab mengapa mereka tidak menyokong resolusi tersebut.

MSWG berpandangan perlu ada proses penglibatan yang bersesuaian di antara pelabur institusi dan syarikat-syarikat pelaburan mereka, serta polisi pengundian pelabur institusi yang telus supaya Lembaga Pengarah syarikat tidak perlu meneka apa di dalam fikiran para pelabur institusi. Ini adalah supaya mempermudah syarikat untuk meningkatkan protokol tadbir urus mereka jika perlu, atau memberi penjelasan bagi sebarang prinsip yang tidak diamalkan oleh mereka.

Contoh insiden di atas jelas menunjukkan adanya merit untuk membentuk satu Kod Pelabur Institusi Malaysia yang pada masa ini memang sedang dilakukan. Ia menetapkan prinsip-prinsip di samping panduan mengenai langkah efektif menunaikan tanggungjawab pengawasan untuk diterima pakai oleh pelabur institusi. Proses penglibatan dengan syarikat-syarikat pelaburan adalah salah satu daripada prinsip di dalam kod tersebut yang menyatakan bahawa pelabur institusi perlu menzahirkan polisi pengundian mereka serta berkomunikasi rasional pengundian tersebut lebih-lebih lagi sekiranya tidak bersehaluan dengan urus tadbir yang diamalkan oleh syarikat. Ia bertujuan supaya syarikat tersebut memahami garis panduan pengundian institusi-institusi dan rasional di sebalik keputusan pengundian

mereka, tambahan pula memberi peluang untuk membahaskan rasional pengamalan urus tadbir syarikat itu sendiri.

Salam,

Rita

MSWG DI DALAM BERITA

MSWG ASKS PUBLIC BANK TO PUBLISH AGM MINUTES

<http://www.thesundaily.my/news/1003150>

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

JT INTERNATIONAL BERHAD (“JTI”)

Pada 31 Mac 2014 syarikat telah menerima tawaran pengambilalihan bersyarat daripada JT International Holding BV (JTIH), anak syarikat milik penuh Japan Tobacco Inc, untuk mengambilalih baki 39.6% kepentingan atau 103.6 juta saham yang belum dimiliki olehnya di dalam JTI pada harga RM7.80 sesaham, mewakili premium sebanyak 20% atas harga sebelum dagangan saham JTI digantung pada harga RM6.50.

JTIH, yang kini memegang 60.4% daripada modal saham JTI tidak berhasrat untuk mengekalkan status penyenaaraan JTI.

Pemegang saham utama JTI yang lain termasuklah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (8.13%) dan Kumpulan Wang Persaraan (6.84%).

KOMEN MSWG:

Walaupun kami tidak mahu melihat satu lagi syarikat yang mempunyai rekod keuntungan untuk dikeluarkan dari Bursa Malaysia, namun apabila pemegang saham ditawarkan satu harga keluar yang dilihat sebagai adil, di mana di dalam kes ini adalah pada premium sebanyak 20% di atas harga saham sebelum dagangan digantung pada harga RM6.50, kami akan menerima tawaran tersebut. Walau bagaimanapun, keputusan akhir terletak di tangan pemegang saham untuk menilai penilaian penasihat bebas sebelum membuat keputusan sama ada untuk menerima atau menolak tawaran tersebut berdasarkan profil risiko-keuntungan masing-masing.

TELEKOM MALAYSIA BERHAD (“TMB”) / GREEN PACKET BERHAD (“GPB”)

Pada 27 Mac 2014, Mobikom, anak syarikat milik penuh TMB telah membuat cadangan untuk mengambilalih saham-saham baru di dalam Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (“P1”) bernilai RM1.00 sesaham untuk memegang kira-kira 57% daripada modal saham diterbitkan yang diperbesarkan di dalam P1, tertakluk kepada pel pasaran penutup, pada jumlah pertimbangan sebanyak RM350.0 juta:

- (i) Packet One Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Green Packet Berhad (“Green Packet”);

- (ii) SK Telecom Co., Ltd;
- (iii) GPB;
- (iv) TMB; dan
- (v) P1.

KOMEN MSWG:

Transaksi ini adalah mahal kerana ia membayangkan nisbah nilai perusahaan/pelanggan (*enterprise value (EV)/subscriber*) sebanyak kira-kira RM1,700. Harga pengambilalihan ini juga memberi gambaran bahawa asas pelanggan P1 perlu berkembang empat kali ganda daripada 450,000 pengguna kepada 1.8 juta pengguna untuk mencapai EV/EBIDTA yang lebih munasabah sebanyak 5.9x, walhal Celcom, yang merupakan pengendali jalur lebar tanpa wayar terbesar Malaysia, hanya mempunyai sebanyak 1.2 juta pengguna. Kami harap TMB boleh memberikan justifikasi lanjut bagi transaksi yang agak mahal ini meskipun terpaksa menyerap potensi kerugian P1.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.